



**PERKEMBANGAN SEKTOR PERTANIAN,  
AGRIMAKANAN DAN PERIKANAN  
SEPANJANG TEMPOH 20 TAHUN  
(1998-2017)  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



# ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PETIKAN TITAH-TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>	v
<b>SEKAPUR SIRIH</b>	vii
<b>KATA PENGANTAR</b>	viii
<b>KATA ALU-ALUAN</b>	x
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	xi
<b>1 KELUARAN SEKTOR PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN 1998-2017</b>	
1.1 Keluaran Industri Ternakan, Tanaman & Agrimakanan, 1998 – 2017	2
1.2 Keluaran Industri Ternakan, 1998 – 2017	3
1.3 Keluaran Industri Tanaman, 1998 – 2017	4
1.4 Keluaran Industri Agrimakanan, 2003 – 2017	5
<b>2 KELUARAN INDUSTRI TERNAKAN</b>	
2.1 Keluaran Industri Ayam Pedaging, 1998 – 2017	8
2.2 Keluaran Industri Telur Ayam, 1998 – 2017	9
2.3 Keluaran Industri Penetasan Anak Ayam, 2001 – 2017	10
2.4 Keluaran Industri Telur Berbenih, 2001 – 2017	11
2.5 Keluaran Industri Daging Kerbau & Lembu, 1998 – 2017	12
2.6 Keluaran Industri Daging Kambing, 1998 – 2017	13
2.7 Keluaran Industri Susu Segar, 1998 – 2010	14
2.8 Keluaran Industri Pelbagai Ternakan, 2014 – 2017	15
2.9 Keluaran Industri Makanan Ternakan, 1998 – 2017	16
<b>3 KELUARAN INDUSTRI TANAMAN</b>	
3.1 Keluaran Industri Sayur, 1998 – 2017	18
3.2 Keluaran Industri Buah, 1998 – 2017	19
3.3 Keluaran Industri Beras, 1998 – 2017	20

3.4	Keluaran Industri Tanaman Hiasan, 1998 – 2017	21
3.5	Keluaran Industri Bunga Keratan, 1998 – 2017	22
3.6	Keluaran Industri Pelbagai Tanaman, 1998 – 2017	23
<b>4</b>	<b>EKSPORT BAGI SEKTOR PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN</b>	
4.1	Eksport Bagi Daging Ayam (Proses & Keratan) dan Kambing Hidup, 2000 – 2017	26
4.2	Eksport Bagi Kulit Lembu, 2004 – 2017	27
4.3	Eksport Bagi Tanaman, 2017	28
<b>5</b>	<b>PEKERJAAN DALAM SEKTOR PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN</b>	
5.1	Pekerjaan dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan, 2017	30
<b>6</b>	<b>KELUARAN SEKTOR PERIKANAN 1998-2017</b>	
6.1	Keluaran Industri Tangkapan, Akuakultur dan Pemprosesan Ikan, 1998 – 2017	32
<b>7</b>	<b>KELUARAN INDUSTRI TANGKAPAN</b>	
7.1	Keluaran Industri Tangkapan, 1998 – 2017	34
7.2	Keluaran Industri Tangkapan (Nelayan Komersil), 1998 – 2017	35
7.3	Keluaran Industri Tangkapan (Nelayan Kecil-Kecilan), 1998 – 2017	36
<b>8</b>	<b>KELUARAN INDUSTRI AKUAKULTUR</b>	
8.1	Keluaran Industri Akuakultur, 1998 – 2017	38
8.2	Keluaran Industri Akuakultur (Udang), 1998 – 2017	39
8.3	Keluaran Industri Akuakultur (Ikan Marin), 1998 – 2017	40
8.4	Keluaran Industri Akuakultur (Ikan Air Tawar), 1998 – 2017	41
<b>9</b>	<b>KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN IKAN</b>	
9.1	Keluaran Industri Pemprosesan Ikan, 1998 – 2017	44
9.2	Keluaran Industri Pemprosesan Ikan (Produk Beku), 1998 – 2017	45
9.3	Keluaran Industri Pemprosesan Ikan (Produk Keropok), 1998 – 2017	46
9.4	Keluaran Industri Pemprosesan Ikan (Produk Tambah Nilai), 1998 – 2017	47
9.5	Keluaran Industri Pemprosesan Ikan (Produk-Produk Lain), 1998 – 2017	48
9.6	Keluaran Industri Pemprosesan Ikan (Produk Kecil-Kecilan), 2010 – 2017	49
<b>10</b>	<b>EKSPORT BAGI SEKTOR PERIKANAN</b>	
10.1	Eksport Bagi Perikanan, 1998 – 2017	52

## **11 PEKERJAAN DALAM SEKTOR PERIKANAN**

- 11.1 Pekerjaan dalam Sektor Perikanan, 2017 54

## **12 LAMPIRAN-LAMPIRAN**

### ***Keluaran Sektor Pertanian dan Agrimakanan, 1998 - 2017***

- 12.1 *Keluaran Industri Ternakan, Tanaman dan Agrimakanan, 1998 - 2017* 58  
12.2 *Keluaran Industri Ternakan, 1998 - 2017* 59  
12.3 *Keluaran Industri Tanaman, 1998 - 2017* 60  
12.4 *Keluaran Industri Agrimakanan, 2003 - 2017* 61  
12.5 *Keluaran Industri Ayam Pedaging 1998-2017* 62  
12.6 *Keluaran Bagi Industri Telur Ayam, 1998 - 2017* 63  
12.7 *Keluaran Bagi Industri Sayur, 1998 - 2017* 64  
12.8 *Keluaran Bagi Industri Buah, 1998 - 2017* 65  
12.9 *Keluaran Bagi Industri Padi, 1998 - 2017* 66  
12.10 *Keluaran Bagi Industri Tanaman Hiasan, 1998 - 2017* 67

### ***Keluaran Sektor Perikanan, 1998 - 2017***

- 12.11 *Keluaran Sektor Perikanan, 1998 - 2017* 70  
12.12 *Eksport Bagi Perikanan, 1998 - 2017* 71



## PETIKAN TITAH-TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

“Di sini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan kita menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas.

Diantara yang di luar sektor minyak dan gas itu, ialah seperti sektor pertanian atau perikanan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Kita mustahak ingat, bahawa pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk mensasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai eksport.”

Petikan Titah: **Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Masehi 2016**

“Mengenai pertanian pula, apa yang mustahak adalah kerajinan, rajin berusaha dan merancang. Oleh itu rancanglah betul-betul supaya menghasilkan produk-produk pertanian yang diperlukan oleh negara. Berilah perhatian dan keutamaan kepada sektor pertanian. Oleh kerana sektor inilah yang akan menentukan kelangsungan kita sebagai bangsa dan negara yang merdeka. Perluaskanlah tanaman padi oleh kerana kita sangat memerlukan bekalan beras yang merupakan bahan makanan asasi kita supaya kita tidak semata-mata bergantung kepada pengimportan beras dari luar negara.”

Petikan Titah: **Titah Sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada  
07hb Februari 2018**

**PETIKAN TITAH-TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI  
OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN  
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

“Beta sudah pun menyebut berkali-kali bidang pertanian. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut mood, tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat-sangat memerlukan. Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam pemakanannya, khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil”

Petikan Titah: **Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Permesyuaratan ke-14 Majlis Mesyuarat Negara 2018**

“Salah satu langkah ke arah pertumbuhan ekonomi, ialah dengan meneroka sektor pertanian. Sektor pertanian sangat penting untuk kehidupan. Pertanian memainkan peranan utama dalam pembinaan tamadun.”

“Bagi negara yang menerima hujan dan tanah-tanah masih belum diteroka, maka tidaklah praktikal untuk terus mengimport bahan asas makanan tanpa berusaha sendiri memenuhi keperluan.”

Petikan Titah: **Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 72 Tahun Bagi Tahun 2018**



## SEKAPUR SIRIH

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Bersyukur kita ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah dapat mengumpulkan dan menghasilkan satu buku perangkaan yang berkaitan dengan pengeluaran sektor pertanian, penternakan, agrimakanan dan perikanan bagi tempoh 20 tahun, iaitu dari tahun 1998 hingga tahun 2017.



Alhamdulillah, keluaran daripada sektor pertanian, agrimakanan dan perikanan di Negara ini telah menunjukkan perkembangan yang positif dan menggalakkan. Daripada tren pencapaian 20 tahun ini, nilai keluaran sektor pertanian dan agrimakanan berkembang pada kadar purata **7.71 peratus setahun**, iaitu daripada **\$93 juta** pada tahun 1998 kepada **\$380 juta** pada tahun 2017. Nilai keluaran sektor perikanan juga telah bertumbuh pada kadar purata **5.15 peratus setahun**, iaitu daripada **\$43 juta** pada tahun 1998 kepada **\$112 juta** pada tahun 2017.

Saya penuh berharap buku perangkaan ini akan dapat dijadikan sebagai satu rujukan, dan yang lebih penting lagi ialah dijadikan sebagai pendorong untuk kita semua, termasuk peladang-peladang lebih komited berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh supaya perkembangan sektor-sektor ini akan lebih cemerlang lagi demi memajukan lagi sektor-sektor ini sebagai sumber sekuriti makanan dan juga sebagai salah satu daripada sumber untuk pertumbuhan dan mempelbagaikan ekonomi negara.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung sehingga berjayanya perangkaan keluaran sepanjang tempoh 20 tahun bagi sektor-sektor ini dapat diterbitkan. Penerbitan buku ini adalah juga bertepatan dengan Majlis Ilmu 2018 yang membawa tema "Sektor Pertanian: Survivabiliti Bangsa dan Negara".

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**DATO SERI SETIA AWANG HAJI ALI BIN APONG**  
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam

## KATA PENGANTAR

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah dapat mengumpulkan perangkaan-perangkaan penting mengikut bidang masing-masing terutama yang berkaitan dengan perangkaan pengeluaran. Perangkaan adalah bagi tempoh 20 tahun iaitu dari tahun 1998 hingga tahun 2017.



Dari perangkaan-perangkaan yang dikumpulkan, Alhamdulillah, jelas menunjukkan keluaran daripada sektor-sektor ini yang berkembang dengan begitu menggalakkan. Dengan demikian, selain ianya sebagai sukat-sukat pencapaian pada masa ini, ianya juga dapat dijadikan sebagai pendorong supaya perkembangan sektor-sektor ini akan dapat dipercepatkan dan dipertingkatkan lagi. Inilah halatuju sektor-sektor ini yang diharap akan mampu menyumbang kepada pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi Negara ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung sehingga berjayanya perangkaan keluaran sepanjang tempoh 20 tahun bagi sektor-sektor ini dapat diterbitkan.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**PENGIRAN HAJI KAMALRUDZAMAN BIN PENGIRAN HAJI ISHAK**

Setiausaha Tetap

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Negara Brunei Darussalam

## KATA PENGANTAR

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah, dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana telah dapat mengumpulkan perangkaan-perangkaan penting terutama yang berkaitan dengan perangkaan pengeluaran bagi tempoh 20 tahun iaitu dari tahun 1998 hingga tahun 2017.



Nampak jelas keluaran daripada sektor-sektor ini berkembang dengan begitu menggalakkan dalam tempoh tersebut. Saya penuh percaya terdapat rancangan-rancangan dan inisiatif-inisiatif baru untuk menggerakkan lagi perkembangan sektor-sektor ini. Mudah-mudahan hasrat untuk menjadikan sektor pertanian, agrimakanan dan perikanan sebagai salah satu penyumbang kepada pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi tercapai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung sehingga berjayanya perangkaan keluaran sepanjang tempoh 20 tahun bagi sektor-sektor ini dapat diterbitkan.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**HAJI ABDUL HALIDI BIN MOHD SALLEH**  
Timbalan Setiausaha Tetap  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam

## KATA ALU-ALUAN



Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita berhasil mengungkayahkan penerbitan buku perangkaan pencapaian 20 tahun sektor-sektor pertanian, agrimakanan dan perikanan yang mana nanti akan menjadi satu sumber rujukan yang berguna bagi memperlihatkan pencapaian sektor-sektor pertanian, penternakan dan agrimakanan serta perikanan dalam tempoh 20 tahun perkembangannya.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan Jabatan Perikanan, akan terus meningkatkan usahanya kearah mendokong Visi dan Misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam meningkatkan keluaran kedua-dua industri ini, dan sekaligus sumbangannya kepada usaha kearah kepelbagaian ekonomi dan peningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar.

Untuk akhirnya, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku perangkaan ini. Semoga ianya akan memberikan manfaat serta mencetuskan ide-ide baru ke arah meningkatkan lagi kemajuan dalam sektor-sektor pertanian dan agrimakanan dan perikanan.

**HAJAH AIDAH BINTI HAJI MOHD HANIFAH**

Pengarah  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama  
dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam

**DAYANG MARIANI BINTI HAJI SABTU**

Pemangku Pengarah  
Jabatan Perikanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama  
dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam

## RINGKASAN EKSEKUTIF


Sektor pertanian di Negara ini telah menyaksikan kemajuan yang menggalakkan sepanjang tempoh 20 tahun ini. Keluaran sektor ini berkembang pada kadar purata 7.71 peratus setahun, iaitu daripada \$93 juta pada tahun 1998 kepada \$380 juta pada tahun 2017.

Pencapaian ini diterajui oleh peningkatan keluaran dari kedua-dua sektor utama, iaitu ternakan dan juga tanaman. Keluaran sektor ternakan dilihat telah berkembang pada kadar purata 6.03 peratus setahun, iaitu daripada \$66 juta pada tahun 1998 kepada \$200 juta pada tahun 2017. Manakala, keluaran sektor tanaman termasuk padi berkembang pada kadar purata 4.28 peratus setahun, iaitu daripada \$27 juta pada tahun 1998 kepada \$60 juta pada tahun 2017.

Bagi sektor perikanan, Negara juga menyaksikan kemajuan yang menggalakkan. Keluaran sektor ini berkembang pada kadar purata 5.15 peratus setahun sepanjang tempoh yang sama, iaitu daripada \$43 juta pada tahun 1998 kepada \$112 juta pada tahun 2017.

Selain itu, kita juga melihat perubahan dari segi lanskap perkembangan industri-industri dalam sektor ini, terutamanya industri akuakultur dan industri pemprosesan ikan.


Industri akuakultur, pada misalnya, telah menunjukkan perkembangan yang pesat. Industri ini berkembang pada kadar purata 16.89 peratus setahun, iaitu daripada \$2 juta pada tahun 1998 kepada \$17 juta pada tahun 2017. Manakala, industri pemprosesan ikan pula berkembang pada kadar purata 14.13 peratus setahun, iaitu daripada \$2 juta pada tahun 1998 kepada \$22 juta pada tahun 2017.





KELUARAN SEKTOR  
PERTANIAN &  
AGRIMAKANAN  
1998 - 2017

# KELUARAN INDUSTRI TERNAKAN, TANAMAN & AGRIMAKANAN, 1998 - 2017



**Nota:**


Nilai keluaran sektor pertanian dan agrimakanan dalam tempoh 20 tahun kebelakangan (1998-2017) secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan yang positif sebanyak 3 kali ganda atau 309.82%. Antara faktor penyebab peningkatan adalah penukaran dari sistem penanaman dan penternakan konvensional kepada teknologi tinggi dan moden, yang berupaya meningkatkan lagi keluaran terutama industri ayam pedaging, dan juga memasukkan data keluaran industri agrimakanan bermula pada tahun 2003.



## KELUARAN INDUSTRI TERNAKAN, 1998 - 2017

**2017**


Nilai Keluaran: \$199.81Juta



**Nota:**

Nilai keluaran industri ternakan secara keseluruhan telah meningkat sebanyak 3 kali ganda atau 203.99% bagi tempoh 20 tahun kebelakangan. Industri ayam pedaging adalah merupakan industri utama yang telah menyumbang melebihi 50% daripada keseluruhan nilai keluaran industri ternakan. Nilai keluaran industri ternakan meningkat dengan ketara bermula pada tahun 2014 disebabkan oleh keluaran secara signifikan dari industri makanan ternakan, iaitu setelah tertubuhnya sebuah Syarikat pengeluaran makanan ternakan tempatan pada tahun 2013 (Syarikat Gold Coin (B) Feedmill Sdn Bhd). Adapun penurunan nilai keluaran pada sesetengah tahun yang berkenaan adalah berkaitan dengan pengurusan ladang, infrastruktur asas dan fasa peralihan teknologi.


# KELUARAN INDUSTRI TANAMAN, 1998 - 2017



**Nota:**


Nilai keluaran industri tanaman secara amnya telah meningkat sebanyak 2 kali ganda atau 120.64% bagi tempoh 20 tahun kebelakangan. Antara penyebab peningkatan ini adalah kerana meningkatnya penyerfaan pengusaha dalam industri ini serta penggunaan teknologi ladang yang berdaya tahan. Jumlah keluaran industri tanaman melonjak pada tahun 2012 disebabkan oleh hasil tanaman buah-buahan bermusim yang berlipat ganda (terjadi dua musim) berbanding tahun sebelumnya.

## KELUARAN INDUSTRI AGRIMAKANAN, 2003 - 2017



**Nota:**


Antara faktor penyebab peningkatan nilai keluaran tanaman berproses adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan pengusaha produk berasaskan tanaman, terutamanya perusahaan makanan mikro dan kecil-kecilan (industri kotej atau *home-based*) dan juga beberapa buah syarikat yang mempunyai kemudahan yang berteknologi tinggi serta keupayaan untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan setanding dengan produk yang diimport dari luar negara. Peningkatan nilai keluaran ternakan berproses, terutamanya bagi tempoh 5 tahun kebelakangan (2013 hingga 2017) adalah disebabkan oleh pengkomersialan produk ternakan berproses melalui penggunaan teknologi pemrosesan masakin.





**KELUARAN  
INDUSTRI  
TERNAKAN**


# KELUARAN INDUSTRI AYAM PEDAGING, 1998 – 2017



**Nota:**

Antara faktor penyebab peningkatan Keluaran bagi tempoh 1998 – 2012 adalah meningkatnya pengusaha ayam pedaging SME, serta meningkatnya jumlah reban ayam pedaging menggunakan teknologi reban tertutup. Penurunan pada tahun 2005 adalah disebabkan oleh terjejasnya kemasukan anak ayam pembiakan dan anak ayam pedaging ke negara ini, berikutan berlakunya wabak penyakit seselma burung secara global yang dilaporkan terjadi pada penghujung tahun 2003.

## KELUARAN INDUSTRI TELUR AYAM, 1998 – 2017




**Nota:**

Pada tahun 2006-2017, keluaran telur ayam meningkat secara gradual untuk memenuhi keperluan pasaran. Keluaran telur ayam telah mencapai sara diri pada tahun 2010, dan import hanya dibenarkan pada musim perayaan sahaja. Pada tahun 2017, keluaran telur ayam telah meningkat secara berfahaman berbanding tahun-tahun sebelumnya sehingga menyebabkan penurunan pada harga pasaran dan penurunan pada nilai keluaran secara keseluruhan.

## KELUARAN INDUSTRI PENETASAN ANAK AYAM, 2001 – 2017


**2017**  
 Kuantiti : 15.72 Juta Ekor  
 Nilai Keluaran: \$18.86 Juta



**Nota:** Penurunan keluaran pada 2016-2017 adalah kerana salah satu syarikat yang mengendalikan penetasan telur berbenih menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber import telur berbenih bagi tujuan penetasan.




## KELUARAN INDUSTRI TELUR BERBENIH, 2001 – 2017




**Nota:**

Pada tahun 2005-2017, penambahan kapasiti keluaran oleh 2 buah syarikat ayam pembiaak telah menjana kepada peningkatan keluaran industri telur berbenih.




**Nota:** Penurunan keluaran daging kerbau dan lembu tempatan pada tahun 2003-2006 adalah kerana pembukaan import daging beku dari negara-negara yang baru (India, China & Mongolia). Seterusnya, pada tahun 2008 – 2011, penerapan peraturan ESCAS (Exporter Supply Chain Assurance Scheme) oleh Negara Australia bermula, yang mana peraturan ini tidak membenarkan Negara pengimport untuk menyembelih ternakan dari Australia tanpa kepatuhan terhadap piawaian *Meat and Livestock Australia* (MLA). Peraturan ini memberi kesan kepada kurangnya import ternakan hidup dari Australia, dan seterusnya menyumbang kepada penurunan keluaran tempatan. Pada tahun 2012-2015 beberapa buah pusat penyembelihan telah mendapat pengiktirafan piawaian MLA dan diberikan kebenaran sebagai pengimport ternakan hidup, dan ini menyumbang kepada peningkatan keluaran daging tempatan. Pengurangan import daging beku juga memberi kesan kepada meningkatnya permintaan pasaran daging kerbau dan lembu tempatan.

## KELUARAN INDUSTRI DAGING KAMBING, 1998 – 2017



**Nota:**


Peningkatan keluaran pada tahun 2010-2017 disebabkan oleh jumlah pengusaha mentemak kambing meningkat. Penurunan keluaran pada tahun 2014-2016 adalah disebabkan oleh pengimportan daging kambing beku dari Australia telah meningkat.



**Nota:**

Sebuah syarikat tempatan cuba menceburkan diri dalam industri pengeluaran susu lembu pada pertengahan tahun 1990an, dengan hasil mencapai 120,000 liter susu bernilai \$36,000.00 pada tahun 2001. Keluaran Syarikat mula menunjukkan penurunan pada tahun 2001 atas sebab-sebab yang dikaitkan dengan ketidaksesuaian baka lembu dengan iklim panas, permakanan ternakan serta kepakaran. Syarikat memberhentikan operasi pada tahun 2010.


## KELUARAN INDUSTRI PELBAGAI TERNAKAN, 2014 – 2017



**Nota:**

Pelbagai ternakan adalah termasuk ternakan seperti itik, patu, rusa, ayam kampung, kambing biri-biri dan sebagainya. Peningkatan dalam permintaan ayam kampung seterusnya di dalam penternakan ayam kampung secara semi-intensif telah meningkatkan keluaran industri ini pada tahun 2017.

# KELUARAN INDUSTRI MAKANAN TERNAKAN, 1998 – 2017




**Nota:**

Keluaran industri makanan ternakan mula menurun pada tahun 2002, disebabkan oleh kenaikan pada harga bahan mentah seperti jagung. Industri ini tidak lagi aktif dari tahun 2004 hingga tahun 2013. Bermula tahun 2013, dengan tertubuhnya Syarikat Gold Coin (B) Feedmill Sdn Bhd, industri makanan ternakan berkembang dengan baik dengan nilai keluaran melebihi \$37 juta pada tahun 2017.



**KELUARAN  
INDUSTRI  
TANAMAN**


## KELUARAN INDUSTRI SAYUR, 1998 – 2017



**Nota:** Peningkatan keluaran industri sayur 10 tahun kebelakangan adalah disebabkan oleh meningkatnya penyertaan pengusaha dalam industri ini, disamping penggunaan teknologi pertanian yang berdaya tahan seperti hydroponik dan fertisasi.




## KELUARAN INDUSTRI BUAH, 1998 – 2017



**Nota:**

Turun naik keluaran industri buah adalah disebabkan oleh keberadaan musim buah, dan ini dipengaruhi oleh keadaan cuaca panas yang bersesuaian dan berpanjangan (2-3 bulan) bagi merangsang pendedungan pokok buah-buahan jenis bermusim dan jenis tidak bermusim untuk mengeluarkan bunga dan seterusnya mengeluarkan buah. Peningkatan keluaran secara yang drastik pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh musim buah yang menyeluruh di kesemua daerah.



**Nota:**


Pada tahun 2009, varieti padi inbred Laila telah diperkenalkan yang membolehkan penanaman dua kali setahun dimulakan di kawasan yang mempunyai sistem pengairan. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan keluaran padi dari tahun 2010 hingga 2012. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, keluaran padi menurun disebabkan oleh serangan perosak yang merebak dan tidak terkawal yang menyebabkan penanaman padi terpaksa dihentikan selama satu musim untuk memutuskan kitaran hidup serangga perosak. Pada tahun 2015, keluaran padi di Daerah Temburong telah meningkat dengan ketara disebabkan oleh cuaca dan hujan yang menepati keperluan musim penanaman padi. Namun, pada tahun 2016 dan 2017, pengeluaran padi menurun disebabkan oleh masalah pengairan, serangan musuh serta pengurusan ladang yang kurang memuaskan disamping keadaan cuaca yang tidak menentu dan fenomena kemarau yang berpanjangan.

## KELUARAN INDUSTRI TANAMAN HIASAN, 1998 – 2017

**2017**


Kuantiti : 774,037 Pohon

Nilai Keluaran : \$5.95 Juta




**Nota:**

Penurunan keluaran tanaman hiasan pada tahun 2002 adalah disebabkan oleh berkurangnya permintaan terutama projek-projek landskap berskala besar. Manakala peningkatan keluaran secara konsisten mulai tahun 2011 adalah disebabkan oleh peningkatan keluaran orkid menggunakan rumah hijau (*greenhouse*) berteknologi tinggi dan penjualan tanaman hiasan di Agrotech Park (ATP).




**Nota:** Keluaran industri bunga keratan menurun pada tahun 2009 dan 2010. Ini disebabkan oleh pemilik kepada salah sebuah syarikat berskala sederhana tidak lagi meneruskan perusahaannya ini disebabkan pemiliknya yang sudah tua, disamping tiada pengganti untuk meneruskan perusahaannya. Pada masa sama, sebuah lagi syarikat adalah dalam proses membaikpulih fasiliti-fasiliti buda semaian bunga syarikat. Industri bunga keratan secara umumnya mengalami kemerosotan disebabkan permintaan pasaran yang semakin berkurangan berbanding permintaan tanaman hiasan.

## KELUARAN INDUSTRI PELBAGAI TANAMAN, 1998 – 2017




**Nota:**

Pelbagai tanaman adalah termasuk tanaman seperti jagung, ubi kayu, tebu, herba dan sebagainya. Secara keseluruhan, peningkatan industri pelbagai tanaman adalah disebabkan oleh peningkatan keluaran jagung manis, yang mana tanaman ini sering ditanam oleh peladang dalam amalan tanaman bergilir (*crop rotation*) kerana keupayaannya dalam membaikpulih tanah (*soil remediation*).



# EKSPORT


# EKSPORT BAGI DAGING RUMINAN, DAGING AYAM (PROSES & KERATAN) DAN KAMBING HIDUP, 2000 – 2017



**Nota:** Daging ruminan dan daging ayam yang diproses adalah seperti sosej dan *corned beef* dan dieksport ke negara seperti Malaysia (Sarawak), Indonesia dan Filipina. Pada tahun 2017, Syarikat Brugoat Farming & Trading Sdn Bhd telah mengeksport hasil kambing hidup ke Negeri Sarawak, Malaysia.




## EKSPORT BAGI KULIT LEMBU, 2004 – 2017



**Nota:** Kulit lembu dieksport ke negara Thailand, India dan Indonesia, dengan eksport sebanyak 4,850 keping pada tahun 2017 berbanding melebihi 20,000 keping pada awal tahun 2000.

## EKSPORT BAGI TANAMAN, 2017


**Nota:**

Pada tahun 2017, Syarikat Naaz Hanan Zulaikha telah mengeksport buah Rock Melon ke Miri, Sarawak, dan Syarikat Sinar Tenaga Sdn Bhd telah mengeksport Pena Putih ke Kuala Lumpur, Malaysia.



PEKERJAAN DALAM  
SEKTOR PERTANIAN  
DAN AGRIMAKANAN

## PEKERJAAN DALAM SEKTOR PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, 2017



**Nota:**


Pada keseluruhannya, sebanyak 43% daripada sejumlah 7,685 pekerjaan dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan diisikan oleh pekerja-pekerja tempatan.



KELUARAN SEKTOR  
PERIKANAN  
1998 - 2017

**2017**

Nilai Keluaran : \$111.92 Juta




**Nota:**

Nilai keluaran sektor perikanan dalam tempoh 20 tahun kebelakangan (1998-2017) secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan yang positif pada kadar 159.61%. Peningkatan yang ketara adalah pada tahun 2001 hingga 2004, disebabkan oleh peningkatan keluaran dari industri tangkapan, khususnya keluaran dari nelayan kecil-kecilan. Selain daripada itu, peningkatan keluaran pada tahun 2012 hingga 2015 adalah disebabkan oleh pengenalan kaedah dan teknologi baru dalam industri pemrosesan dan pembukaan kawasan-kawasan baru bagi industri akuakultur.



**KELUARAN  
INDUSTRI  
TANGKAPAN**

**2017**  
 Kuantiti : 13,795.62 Mt  
 Nilai Keluaran : \$73.04 Juta




**Nota:**

Peningkatan keluaran industri tangkapan pada tahun 2001 hingga 2004 adalah disebabkan oleh peningkatan keluaran dari nelayan kecil-kecilan (nelayan sepenuh masa, nelayan sambilan dan nelayan bersyarikat). Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah penukaran penggunaan peralatan menangkap ikan dari sistem konvensional kepada teknologi tinggi dan moden; serta peningkatan bilangan nelayan kecil-kecilan dari 2,070 nelayan kepada 4,689 nelayan. Bagaimanapun, keluaran dari industri tangkapan menurun antara tahun 2010 hingga 2011 (turun dari \$86.64 juta kepada \$71.98 juta), dan juga antara tahun 2015 hingga 2016 (turun dari \$84.98 juta kepada \$70.11 juta). Ini disebabkan oleh keadaan cuaca akibat dari musim tengkujuh yang lazimnya berlaku pada bulan Disember hingga bulan Mac, yang mana menyebabkan bilangan nelayan-nelayan pergi keluar ke laut untuk menangkap ikan berkurangan.




## KELUARAN INDUSTRI TANGKAPAN (NELAYAN KOMERSIL), 1998 - 2017

**2017**  
 Kuantiti : 4,568.59 Mt  
 Nilai Keluaran : \$11.86 Juta



**Nota:**

Keluaran industri tangkapan (nelayan komersil) yang menggunakan kapal pukat tunda, kapal pukat lingkong dan kapal rawai, bubu dan pancing pada tahun 2000 adalah menurun, disebabkan oleh penangkapan ikan yang berlebihan (*overfishing*) sehingga mengakibatkan harga pasaran turun, disamping juga disebabkan oleh penguatkuasaan "*moratorium*" atau penggantian sementara ke atas perusahaan kapal tangkapan ikan bagi beberapa alat yang tertentu di kawasan zon 1. Pada tahun 2010 hingga 2015, keluaran meningkat disebabkan oleh meningkatnya jumlah bilangan kapal-kapal dan nelayan komersil yang berlesen, sekaligus meningkatkan jumlah operasi penangkapan ikan oleh nelayan komersil. Keluaran menurun pada tahun-tahun 2016-2017 disebabkan oleh musim tengkujuh, kerosakan kapal serta sebilangan pengusaha kekurangan kru yang menyebabkan banyak kapal-kapal tidak dapat turun ke laut.




**Nota:**

Pada tahun 2001 hingga 2004, keluaran industri tangkapan (nelayan kecil-kecilan sepenuh masa, sambilan dan bersyarikat) menunjukkan peningkatan. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan keluaran daripada nelayan bersyarikat yang menghasilkan hampir 2 kali ganda tangkapan, disebabkan oleh penukaran dari sistem konvensional kepada teknologi tinggi dan moden. Pada tahun 2010 hingga 2011, keluaran menurun disebabkan oleh keadaan cuaca dan para nelayan tidak dapat beroperasi sepenuhnya.



KELUARAN  
INDUSTRI  
AKUAKULTUR




**Nota:**

Keluaran industri akuakultur meningkat pada tahun-tahun 2000 hingga 2004 dan 2012 hingga 2017, disebabkan oleh pembukaan lebih banyak ladang-ladang ternakan pemeliharaan ikan; penggunaan verifikasi teknik pemeliharaan ikan di luar pantai; serta kepelbagaian hasil keluaran seperti kerang, ketam dan ikan air tawar. Peningkatan keluaran ini juga adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan pengusaha yang terlibat dalam industri akuakultur ini seperti perusahaan ternakan udang, ternakan ikan marin dan ternakan ikan air tawar.

## KELUARAN INDUSTRI AKUAKULTUR (UDANG), 1998 - 2017

**2017**  
 Kuantiti : 1,284.55 Mt  
 Nilai Keluaran : \$13.26 Juta



**Nota:**


Pada tahun 2000 hingga 2007, keluaran industri akuakultur (udang) adalah menggalakkan disebabkan oleh bilangan pengusaha penternakan udang yang meningkat. Pada tahun 2011, keluaran terjejas disebabkan oleh kejadian penyakit *White Spot Syndrome Virus (WSSV)* yang dikesan pada udang rostris yang diternak oleh pengusaha-pengusaha, akan tetapi menunjukkan peningkatan keluaran yang sangat baik bagi tahun-tahun berikutnya disebabkan oleh pelaksanaan 'breakcycle' sebagai langkah yang efektif dalam pemulihan kejadian penyakit WSSV.

# KELUARAN INDUSTRI AKUAKULTUR (IKAN MARIN), 1998 - 2017

**2017**

Kuantiti : 340.00 Mt

Nilai Keluaran : \$3.37 Juta



**Nota:**


Keluaran industri akuakultur (ternakan ikan laut) menunjukkan perkembangan menggalakkan, disebabkan oleh pembukaan kawasan-kawasan tambahan dan baru bagi perusahaan pengeluaran ikan di persisiran dan luar pantai.

# KELUARAN INDUSTRI AKUAKULTUR (IKAN AIR TAWAR), 1998 - 2017

**2017**


Kuantiti : 7.63 Mt

Nilai Keluaran : \$0.07 Juta



**Nota:**

Antara tahun 2000 hingga 2008, keluaran industri akuakultur ikan air tawar menunjukkan perkembangan yang sederhana, disebabkan oleh penglibatan secara aktif beberapa pengusaha dalam pengeluaran ikan air tawar termasuk ikan hiasan atau 'ornamental fishes'. Data keluaran industri ikan hiasan atau *ornamental fishes* mula dikeluarkan dari tahun berikutnya, dan pengambilan data keluaran hanya ditumpukan kepada industri akuakultur ikan air tawar sahaja.








KELUARAN  
INDUSTRI  
PEMROSESAN  
IKAN


# KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN IKAN, 1998 - 2017

**2017**  
 Kuantiti : 2,963.53 Mt  
 Nilai Keluaran : \$22.17 Juta




**Note:** Keluaran industri Pemrosesan Ikan meningkat secara *gradual* di antara tahun 1998-2010, akan tetapi telah meningkat secara signifikan bermula pada tahun 2011-2017. Ini adalah disebabkan oleh keberadaan bahan-bahan mentah daripada industri tangkapan dan akuakultur untuk mendukung keperluan perkembangan industri proses dan tambah nilai dalam tempoh tersebut.

## KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN IKAN (PRODUK BEKU), 1998 - 2017



**Nota:**

Keluaran produk beku meningkat secara *gradual* disebabkan kebanyakan pengusaha mula berkilang pada tahun 2000 di mana sebanyak 3 buah produk beku, 6 buah kilang produk keropok dan 1 buah kilang produk tin telahpun dijalankan. Peningkatan secara signifikan pada tahun 2010-2017 ini adalah disebabkan beberapa buah kilang kian giat beroperasi apabila meningkatnya pengeluaran dari industri-industri tangkapan dan akuakultur sebagai bahan mentah untuk diproses.



**Nota:**


Keluaran industri pemrosesan ikan (produk keropok) meningkat pada tahun 2000-2006 disebabkan oleh beroperasinya beberapa buah kilang menghasilkan produk keropok di Negara ini. Keluaran bagaimanapun menurun pada tahun 2006-2007 atas sebab-sebab yang berkaitan dengan kurangnya penghasilan bahan mentah yang diperlukan untuk menghasilkan keropok disamping yang berkaitan dengan pengurusan (termasuk mendapatkan dana, tenaga kerja, kerosakan pada mesin dan peralatan).

# KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN IKAN (PRODUK TAMBAH NILAI), 1998 - 2017

**2017**

Kuantiti : 117.42 Mt


Nilai Keluaran : \$0.92 Juta



**Nota:**

Produk tambah nilai adalah terdiri dari bebola ikan, kek ikan, yong taufu dan sebagainya. Penurunan keluaran industri pemrosesan (produk tambah nilai) pada tahun 2008-2010 adalah disebabkan oleh bahan mentah bagi menghasilkan produk industri ini tidak mencukupi.


# KELUARAN SEKTOR PEMROSESAN IKAN (PRODUK-PRODUK LAIN), 1998 - 2017



**Nota:**


Produk-produk lain adalah terdiri dari pengeluaran makanan ikan, ikan salai (*smoked fish*) dan sebagainya. Pada tahun 2013, keluaran industri ini meningkat secara signifikan disebabkan oleh beberapa pengusaha menghasilkan produk ini dan bahan mentah yang diperlukan mencukupi.

## KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN IKAN (PRODUK KECIL-KECILAN), 2010 - 2017




**NOTA:**

Kemasukan data keluaran industri pemrosesan ikan (produk kecil-kecilan yang terdiri dari belacan, ikan liking, ikan masin, ikan kering dan sebagainya) bermula pada tahun 2010. Penurunan keluaran industri ini sejak beberapa tahun kebelakangan adalah disebabkan oleh penurunan jumlah bilangan pengusaha yang mana sebahagian dari pengusaha telah berhenti mengusahakan industri ini atau bertukar perusahaannya kepada produk lain.






# EKSPORT




**2017**  
 Kuantiti : 1,209.03 Mt  
 Nilai Keluaran : \$10.82 Juta



**Nota:** Nilai Keluaran eksport bagi sektor perikanan telah meningkat secara drastik pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah disebabkan oleh peningkatan eksport ikan hidup ke Hong Kong dan Republik Rakyat China dari sektor akuakultur khususnya ternakan ikan dalam sangkar.





# PEKERJAAN DALAM SEKTOR PERIKANAN



**Nota:** Pada keseluruhannya, sebanyak 66% daripada sejumlah 3,065 pekerjaan dalam Sektor Perikanan adalah diisikan oleh pekerja-pekerja tempatan.

# LAMPIRAN







KELUARAN SEKTOR  
PERTANIAN &  
AGRIMAKANAN  
1998 - 2017

## KELUARAN INDUSTRI TERNAKAN, TANAMAN & AGRIMAKANAN, 1998 - 2017

Tahun	BND Juta			
	Ternakan	Tanaman	Agrimakanan	
			Jumlah	
1998	65.73	26.90	0.00	92.64
1999	82.41	30.47	0.00	112.88
2000	90.00	36.55	0.00	126.55
2001	111.09	38.50	0.00	149.59
2002	98.51	35.48	0.00	133.99
2003	100.25	37.18	7.50	144.92
2004	113.63	36.98	24.01	174.62
2005	97.81	35.17	25.79	158.76
2006	109.63	31.51	30.10	171.25
2007	123.54	35.33	40.22	199.09
2008	131.57	41.01	52.53	225.11
2009	130.12	44.48	53.20	227.80
2010	131.99	41.95	53.76	227.70
2011	139.89	42.58	57.21	239.68
2012	159.43	57.85	62.83	280.11
2013	156.97	47.50	86.24	290.70
2014	198.58	55.06	102.68	356.32
2015	197.14	57.84	110.48	365.46
2016	210.83	55.87	118.11	384.80
2017	199.81	59.65	120.19	379.65



## KELUARAN INDUSTRI TERNAKAN, 1998 - 2017

TAHUN	BND Juta									
	AYAM PEDAGING	MAKANAN TERNAKAN	TELUR AYAM	PENETESAN ANAK AYAM	TELUR BERBENIH	PELBAGAI TERNAKAN	DAGING KERBAU & LEMBU	DAGING KAMBING	SUSU SEGAR	JUMLAH
1998	38.91	10.23	13.42	0.00	0.00	0.00	2.84	0.02	0.30	65.73
1999	54.84	12.23	12.29	0.00	0.00	0.00	2.66	0.04	0.35	82.41
2000	60.74	11.43	14.91	0.00	0.00	0.00	2.61	0.03	0.27	90.00
2001	67.81	11.54	16.06	10.05	2.74	0.00	2.48	0.05	0.36	111.09
2002	59.37	7.25	16.95	9.61	2.74	0.00	2.22	0.02	0.34	98.51
2003	63.28	3.59	17.22	10.71	3.25	0.00	1.89	0.01	0.29	100.25
2004	78.05	0.12	17.13	12.65	3.20	0.00	2.24	0.03	0.21	113.63
2005	63.16	0.00	16.18	11.37	5.09	0.00	1.81	0.02	0.18	97.81
2006	73.46	0.00	16.47	13.05	5.83	0.00	0.66	0.07	0.10	109.63
2007	81.21	0.00	18.73	14.83	7.76	0.00	0.90	0.05	0.06	123.54
2008	86.72	0.00	21.16	15.32	7.99	0.00	0.33	0.01	0.04	131.57
2009	84.60	0.00	22.38	15.48	7.37	0.00	0.25	0.03	0.01	130.12
2010	85.27	0.00	23.28	16.02	7.29	0.00	0.11	0.02	0.00	131.99
2011	94.06	0.00	22.98	15.50	6.97	0.00	0.32	0.06	0.00	139.89
2012	107.34	0.00	24.68	18.48	7.79	0.00	1.02	0.12	0.00	159.43
2013	104.43	0.00	25.88	17.81	7.02	0.60	1.02	0.19	0.00	156.97
2014	110.30	33.82	26.25	18.52	7.38	1.34	0.82	0.14	0.00	198.58
2015	106.79	33.42	26.39	19.99	7.83	1.25	1.36	0.12	0.00	197.14
2016	111.65	41.00	28.37	20.01	7.77	1.29	0.63	0.11	0.00	210.83
2017	106.53	37.43	25.41	18.86	8.52	1.86	1.05	0.15	0.00	199.81

## KELUARAN INDUSTRI TANAMAN, 1998 - 2017

TAHUN	BND Juta						
	SAYUR	BUAH	TANAMAN HIASAN	PADI	PELBAGAI TANAMAN	BUNGA KERATAN	JUMLAH
1998	21.15	2.32	2.89	0.33	0.14	0.08	26.90
1999	21.86	5.83	1.85	0.49	0.33	0.11	30.47
2000	26.55	6.85	2.02	0.74	0.28	0.11	36.55
2001	25.31	9.19	2.70	0.86	0.33	0.11	38.50
2002	24.67	8.59	0.59	0.92	0.60	0.12	35.48
2003	25.13	9.26	0.74	1.35	0.57	0.13	37.18
2004	25.20	8.63	0.83	1.53	0.65	0.14	36.98
2005	23.61	7.82	0.76	2.10	0.73	0.15	35.17
2006	21.06	5.70	1.44	2.20	0.96	0.17	31.51
2007	22.60	7.14	1.95	2.42	1.00	0.23	35.33
2008	29.47	5.69	1.82	2.24	1.53	0.26	41.01
2009	30.06	9.35	1.34	2.19	1.39	0.14	44.48
2010	30.36	5.82	1.33	2.64	1.66	0.14	41.95
2011	31.29	4.60	1.35	3.64	1.42	0.28	42.58
2012	29.69	20.04	1.61	4.32	2.00	0.18	57.85
2013	30.40	8.87	2.27	3.05	2.71	0.21	47.50
2014	32.96	13.40	2.38	3.40	2.74	0.19	55.06
2015	33.76	13.72	2.86	4.88	2.45	0.16	57.84
2016	34.78	9.55	4.85	3.89	2.69	0.12	55.87
2017	34.68	12.36	5.95	3.76	2.84	0.07	59.65

## KELUARAN INDUSTRI AGRIMAKANAN, 2003 - 2017

TAHUN	BND Juta		
	TERNAKAN BERPROSES	TANAMAN BERPROSES	JUMLAH
2003	7.50	0.00	7.50
2004	6.73	17.28	24.01
2005	7.10	18.69	25.79
2006	9.51	20.59	30.10
2007	9.88	30.34	40.22
2008	7.85	44.68	52.53
2009	9.06	44.15	53.20
2010	9.33	44.42	53.76
2011	10.25	46.96	57.21
2012	13.31	49.52	62.83
2013	44.20	42.03	86.24
2014	43.87	58.81	102.68
2015	45.27	65.21	110.48
2016	62.63	55.48	118.11
2017	66.66	53.53	120.19

## KELUARAN BAGI INDUSTRI AYAM PEDAGING, 1998 – 2017

TAHUN	KUANTITI (TAN METRIK)	NILAI KELUARAN (\$ JUTA)
1998	7,395.67	38.91
1999	10,461.50	54.84
2000	12,506.70	60.74
2001	15,099.20	67.81
2002	13,684.77	59.37
2003	15,435.35	63.28
2004	17,593.64	78.05
2005	15,419.20	63.16
2006	17,886.25	73.46
2007	19,078.60	81.21
2008	19,484.59	86.72
2009	19,536.20	84.60
2010	20,635.03	85.27
2011	22,962.15	94.06
2012	23,901.83	107.34
2013	23,062.43	104.43
2014	23,931.98	110.30
2015	23,263.96	106.79
2016	24,451.66	111.65
2017	23,282.70	106.53

## KELUARAN BAGI INDUSTRI TELUR AYAM, 1998 – 2017

TAHUN	KUANTITI (TAN METRIK)	NILAI KELUARAN (\$ JUTA)
1998	77.45	13.42
1999	82.39	12.29
2000	87.21	14.91
2001	91.66	16.06
2002	105.92	16.95
2003	108.47	17.22
2004	106.42	17.13
2005	103.68	16.18
2006	118.39	16.47
2007	114.17	18.73
2008	123.21	21.16
2009	124.48	22.38
2010	127.54	23.28
2011	128.87	22.98
2012	128.51	24.68
2013	127.98	25.88
2014	131.74	26.25
2015	130.53	26.39
2016	141.63	28.37
2017	150.81	25.41

## KELUARAN BAGI INDUSTRI SAYUR, 1998 – 2017

TAHUN	KUANTITI (TAN METRIK)	NILAI KELUARAN (\$ JUTA)
1998	6,316.82	21.15
1999	7,007.50	21.86
2000	8,862.72	26.55
2001	8,919.34	25.31
2002	9,592.86	24.67
2003	10,359.70	25.13
2004	11,157.67	25.20
2005	10,709.96	23.61
2006	9,518.07	21.06
2007	9,792.69	22.60
2008	13,055.82	29.47
2009	12,813.40	30.06
2010	13,012.33	30.36
2011	12,963.96	31.29
2012	12,685.36	29.69
2013	12,773.71	30.40
2014	12,708.07	32.96
2015	12,981.13	33.76
2016	13,952.25	34.78
2017	13,265.19	34.68

## KELUARAN BAGI INDUSTRI BUAH, 1998 – 2017

TAHUN	KUANTITI (TAN METRIK)	NILAI KELUARAN (\$ JUTA)
1998	1,099.37	2.32
1999	2,419.74	5.83
2000	3,188.97	6.85
2001	4,140.10	9.19
2002	4,198.80	8.59
2003	4,654.49	9.26
2004	4,515.67	8.63
2005	4,793.30	7.82
2006	3,765.13	5.70
2007	4,372.31	7.14
2008	3,484.58	5.69
2009	4,372.26	9.35
2010	3,229.11	5.82
2011	2,627.91	4.60
2012	8,778.79	20.04
2013	3,854.66	8.87
2014	5,834.33	13.40
2015	6,261.97	13.72
2016	5,791.00	9.55
2017	6,622.49	12.36


## KELUARAN BAGI INDUSTRI PADI, 1998 – 2017

TAHUN	KUANTITI (TAN METRIK)	NILAI KELUARAN (\$ JUTA)
1998	207.62	0.33
1999	306.15	0.49
2000	459.69	0.74
2001	538.46	0.86
2002	571.98	0.92
2003	841.03	1.35
2004	954.08	1.53
2005	1,309.75	2.10
2006	1,377.40	2.20
2007	1,512.11	2.42
2008	1,401.97	2.24
2009	1,371.36	2.19
2010	1,648.70	2.64
2011	2,276.95	3.64
2012	2,701.56	4.32
2013	1,903.60	3.05
2014	2,125.71	3.40
2015	3,051.06	4.88
2016	2,428.91	3.89
2017	2,348.76	3.76



## KELUARAN BAGI INDUSTRI TANAMAN HIASAN, 1998 – 2017

TAHUN	KUANTITI (TAN METRIK)	NILAI KELUARAN (\$ JUTA)
1998	553,254	2.89
1999	572,186	1.85
2000	720,889	2.02
2001	929,975	2.70
2002	305,801	0.59
2003	239,013	0.74
2004	253,453	0.83
2005	204,808	0.76
2006	332,269	1.44
2007	406,501	1.95
2008	430,331	1.82
2009	338,899	1.34
2010	372,482	1.33
2011	363,166	1.35
2012	427,922	1.61
2013	530,138	2.27
2014	595,258	2.38
2015	687,360	2.86
2016	650,490	4.85
2017	774,037	5.95





**KELUARAN  
SEKTOR PERIKANAN  
1998 - 2017**

## KELUARAN INDUSTRI TANGKAPAN, AKUAKULTUR DAN PEMROSESAN IKAN, 1998 - 2017

TAHUN	SEKTOR TANGKAPAN		SEKTOR AKUAKULTUR		SEKTOR PEMROSESAN IKAN		JUMLAH KESELURUHAN	
	TAN METRIK (MT)	(\$) JUTA	TAN METRIK (MT)	(\$) JUTA	TAN METRIK (MT)	(\$) JUTA	TAN METRIK (MT)	(\$) JUTA
1998	9,869.00	39.20	103.00	2.10	196.00	1.80	10,168.00	43.10
1999	9,626.00	38.90	129.00	1.40	318.00	2.40	10,073.00	42.70
2000	10,575.54	32.36	126.46	1.16	317.99	2.68	11,019.99	36.20
2001	10,343.03	45.93	330.04	3.16	273.32	2.47	10,946.39	51.56
2002	13,896.83	61.03	398.84	3.73	439.36	4.13	14,735.03	68.89
2003	14,541.61	73.30	617.39	5.06	515.30	4.65	15,674.30	83.01
2004	15,681.79	85.10	698.02	5.78	479.46	4.59	16,859.27	95.47
2005	16,096.34	85.35	540.24	4.20	658.25	7.32	17,294.83	96.65
2006	16,923.97	87.78	551.06	5.49	866.63	12.33	18,341.66	104.56
2007	15,309.05	83.29	677.64	6.26	774.00	8.40	16,760.69	103.49
2008	15,576.31	85.09	566.00	4.83	823.00	8.21	16,965.31	107.09
2009	16,796.89	86.71	460.00	4.18	484.90	3.61	17,741.79	94.28
2010	15,329.17	86.64	424.00	4.33	639.00	5.56	16,392.17	96.49
2011	13,506.92	71.98	302.00	3.34	1,249.00	6.36	15,057.92	83.20
2012	13,625.80	72.27	556.00	5.17	2,030.00	8.80	16,211.80	87.67
2013	14,320.36	74.61	606.00	5.43	3,326.00	12.16	18,252.36	92.20
2014	15,100.49	71.50	761.32	7.81	4,069.00	14.25	19,930.81	94.22
2015	17,333.35	84.98	983.56	10.02	3,984.02	16.25	22,300.93	111.24
2016	14,966.12	70.11	949.00	9.89	2,646.10	15.33	18,561.22	95.33
2017	13,795.62	73.04	1,632.18	16.70	2,963.53	22.17	18,391.33	111.92

## EKSPORT BAGI PERIKANAN, 1998 - 2017

TAHUN	METRIK TAN (MT)	NILAI (\$ JUTA)
1998	9.20	0.34
1999	25.85	0.50
2000	98.00	1.03
2001	326.88	1.72
2002	101.20	1.21
2003	120.94	1.33
2004	121.65	1.27
2005	433.62	3.73
2006	529.24	6.70
2007	696.78	4.22
2008	652.53	4.05
2009	553.50	7.61
2010	344.00	0.88
2011	244.00	0.86
2012	568.00	2.99
2013	135.00	0.43
2014	884.00	4.41
2015	1,188.11	3.45
2016	308.00	2.44
2017	1,209.03	10.82





